

# Isu Tarif Perdagangan Amerika Syarikat: Strategi Khilafah

Dalam situasi ketidaktentuan ekonomi global dan perubahan politik yang pesat, Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump telah mencuri perhatian dunia. AS melaksanakan perang perdagangan yang menggegarkan dunia dengan melaksanakan dasar tarif import baharu bertajuk "*Tarif Timbal Balik*" pada 2 April 2025. Dasar ini menetapkan tarif minimum 10% untuk semua produk import ke AS. Kadar yang lebih tinggi dikenakan untuk 57 negara dan wilayah tertentu, termasuk Malaysia.

Tarif perdagangan merupakan salah satu instrumen penting dalam hubungan ekonomi antarabangsa. Dalam konteks Malaysia, isu tarif perdagangan menjadi semakin relevan dengan peningkatan ketegangan perdagangan global, terutamanya dengan AS. Malaysia, sebagai negara yang bergantung kepada perdagangan luar, perlu menangani isu ini dengan bijak dan memastikan kelangsungan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Ketegangan ini sering kali berpunca daripada dasar perlindungan yang dilaksanakan oleh negara-negara besar, yang boleh memberi kesan negatif kepada negara-negara kecil seperti Malaysia.

Malaysia aktif dalam perdagangan antarabangsa, dengan pelbagai sektor ekonomi yang bergantung kepada eksport. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, Malaysia telah berusaha untuk memperkuatkannya kedudukan perdagangan globalnya dengan menjalin hubungan dengan pelbagai negara, termasuk negara-negara ASEAN, China, dan negara-negara di Timur Tengah. Oleh itu, memahami isu tarif perdagangan adalah penting untuk merangka strategi yang berkesan dalam menghadapi cabaran yang dihadapi.

## Tindakan Malaysia

Dalam Sidang Parlimen Khas pada 5 Mei, Perdana Menteri Malaysia (PMX) menjelaskan bahawa tarif Malaysia ke atas AS sebenarnya hanyalah 5.6% dan bukan 47% seperti yang didakwa. Ini menunjukkan bahawa Malaysia bersedia untuk melakukan rundingan

semula dengan berprinsip untuk memastikan keadilan dalam perdagangan. Penjelasan ini penting untuk mengelakkan salah faham yang boleh merugikan hubungan dua hala antara Malaysia dan AS.

Malaysia telah berusaha untuk mencari rakan dagang baru, termasuk negara-negara Gulf Cooperation Council (GCC), China, BRICS, Jepun, dan Korea Selatan. Usaha ini bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan kepada satu pasaran dan memperluaskan peluang perdagangan yang lebih baik. Dengan menjalin kerjasama dengan pelbagai negara, Malaysia cuba meningkatkan daya saingnya di peringkat global dan mengurangkan risiko dari ketegangan perdagangan dengan negara tertentu.

Mengenai tuntutan AS, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) Tengku Zafrul menyatakan beberapa isu yang perlu ditangani, termasuk perdagangan tidak seimbang yang menyebabkan defisit USD 25 bilion bagi AS. Malaysia telah mengambil langkah-langkah seperti mengeluarkan sijil NPCO (sijil untuk mengeksport) hanya melalui MITI untuk mengelakkan negara ini dijadikan transit hub bagi produk-produk China. Selain itu, siasatan anti-lambakan juga dilakukan untuk melindungi pengeluar tempatan daripada kesan lambakan produk luar.

Tindakan ini menunjukkan komitmen Malaysia untuk melindungi industri tempatan dan memastikan bahawa perdagangan dilakukan secara adil. Dalam masa yang sama, mengharapkan langkah-langkah diambil mampu

melembutkan hati Trump agar menerima tuntutan Malaysia dalam menghapuskan tarif tambahan ini. Namun adakah langkah lestari yang memastikan Malaysia tidak akan terkesan dengan keadaan yang tidak menentu. Kita tidak dapat memastikan apakah lagi langkah yang akan diambil oleh Trump pada masa-masa akan datang.

## Sejarah Perdagangan Khilafah

Masalah tarif ini bukanlah perkara baru dan Islam telah memberikan solusi bagaimana ianya dapat diselesaikan dan ditangani secara berkesan. Khalifah Umar pernah membalaas tarif import (*usyur*) yang dikenakan oleh Byzantium ke atas pedagang Muslim dengan kadar yang sama. Ini menunjukkan bahawa prinsip keadilan dalam perdagangan telah lama diterapkan dalam sejarah Islam. Di samping itu, melalui *futuhat* yang dilakukan di Mesir, umat Islam telah menguasai jalur-jalur perdagangan dan memencarkan Byzantium dan Rom daripada ekonomi dunia. *Futuhat* ini bukan sahaja memperluas wilayah Islam dengan dasar dakwah dan jihad tetapi juga meningkatkan pasaran ekonomi umat Islam. Dengan penguasaan terhadap jalur perdagangan, umat Islam dapat mengawal aliran barang dan sumber, yang seterusnya memperkuatkan kedudukan ekonomi mereka. Ini menunjukkan bahawa sejarah perdagangan Islam mempunyai pengaruh yang besar terhadap perkembangan ekonomi umat Islam dan bagaimana mereka berinteraksi dengan dunia luar.

## Prinsip Ekonomi Islam

Begitu juga, Islam mempunyai jawapan yang jelas melalui perlaksanaan ekonomi Islam yang berlandaskan pada prinsip-prinsip hukum syarak yang menekankan keadilan, kesejahteraan, dan kelestarian. Abdurrahman al-Maliki dalam bukunya, *Politik Ekonomi Islam*, “Semestinya, hubungan dagang antarabangsa dijalankan dengan menggunakan sistem ekonomi syariah sebagai acuan yang tidak bertumpu pada peningkatan kekayaan.”

Paling utama sebagai subsistem Islam yang berlandaskan prinsip kewarganegaraan dan kepentingan dakwah serta jihad. Strategi perdagangan ini penting untuk memastikan kemandirian ekonomi, memperluas pasaran, dan membangun kerjasama yang saling menguntungkan. Oleh itu, pemerintah mesti merumuskan strategi yang efektif untuk melindungi kepentingan ekonomi umat Islam dan meningkatkan daya saing di pasaran global.

### i) Kemandirian Ekonomi

Kemandirian ekonomi adalah kemampuan negara untuk memenuhi keperluan dalamannya tanpa bergantung kepada import, terutama dari negara-negara yang mengenakan tarif tinggi.

Untuk mencapai kemandirian ekonomi, pemerintah perlu:

- Meningkatkan produksi tempatan melalui pelaburan dalam sektor pertanian, industri, dan teknologi.

- Mencari sumber alternatif untuk bahan mentah, termasuk kerjasama dengan negara-negara sahabat.
- Menggalakkan inovasi dan pengembangan produk tempatan yang berkualiti tinggi.

## ii) Kepelbagaian Pasaran

Pemerintah pasti akan mengurangi ketergantungan pada satu negara atau pasaran perdagangan dengan memperluas jaringan perdagangan ke negara-negara lain. Ini termasuk menjalin hubungan dagang dengan negara-negara yang memiliki nilai dan prinsip yang sama. Kepelbagaian pasaran dapat mengurangi risiko ekonomi dan meningkatkan peluang pertumbuhan. Dengan itu, pemerintah dapat mengatasi turun naiknya ekonomi yang mungkin timbul akibat polisi perdagangan negara lain.

## iii) Perjanjian Dagang dengan Negara Kafir Mu'ahid

Perjanjian dagang dengan negara kafir mu'ahid merujuk kepada kesepakatan antara negara-negara yang memiliki kesamaan dalam prinsip dan berteraskan nilai Islam. Ini bertujuan untuk menciptakan hubungan perdagangan yang adil dan saling menguntungkan. Contoh perjanjian dagang ini termasuk penghapusan tarif bilateral dan pembentukan blok perdagangan di antara negara-negara kafir mu'ahid. Implikasi dari perjanjian ini adalah peningkatan aliran barang dan perkhidmatan,

serta pengurangan kos perdagangan.

#### **iv) Pengawasan Terhadap Eksport Strategik**

Pengawasan terhadap eksport barang strategik adalah penting untuk menjaga kepentingan dan kelestarian pemerintahan serta kestabilan ekonomi umat Islam. Ini termasuk mengawasi eksport barang yang dapat memperkuuhkan musuh atau merugikan kepentingan umat Islam dan negara. Strategi pengawasan yang berkesan melibatkan penetapan peraturan dan undang-undang yang ketat terhadap eksport barang strategik. Selain itu, kerjasama dengan negara-negara lain adalah penting untuk memastikan bahawa eksport tidak jatuh ke tangan pihak musuh.

#### **v) Penggunaan Mata Wang Islam**

Mata Wang Islam, seperti dinar dan dirham, berasaskan kepada standard emas dan perak wajib dilaksanakan. Penggunaan mata wang ini dapat mengurangi kebergantungan pada sistem kewangan internasional yang dikuasai oleh dolar AS. Seterusnya dapat menghapuskan hegemoni dan eksplorasi kewangan AS terhadap negara lain. Pemerintah wajib mempromosikan penggunaan mata wang bersandarkan emas dan perak dalam transaksi antarabangsa, yang dapat meningkatkan kestabilan ekonomi dan memperkuat kedudukan mata wang tersebut di pasaran global.

## **vi) Kemampanan Industri Dalaman**

Kemampanan industri dalaman merujuk kepada kemampuan sektor industri untuk beroperasi secara berkelanjutan dan berdaya saing, yang penting untuk mengurangi kebergantungan pada import serta meningkatkan kemandirian ekonomi. Strategi untuk meningkatkan kemampanan industri dalaman termasuk pelaburan dalam teknologi dan inovasi, peningkatan kemahiran tenaga kerja melalui pendidikan dan latihan, serta mendorong kolaborasi antara sektor swasta dan awam untuk meningkatkan daya saing.

## **vii) Pendekatan Diplomatik dan Ekonomi oleh Khilafah**

Walau bagaimanapun, strategi ini boleh dicapai oleh Khilafah sebagai adikuasa yang akan menyaingi dan mengalahkan AS. Khilafah akan memimpin usaha untuk menyatukan negara-negara umat Islam di bawah payung kerjasama ekonomi. Dengan memanfaatkan kesatuan umat Islam, Khilafah dapat mempromosikan perjanjian perdagangan bebas di kalangan umat Islam, yang akan membantu mengurangi kos perdagangan dan meningkatkan aliran barang dan perkhidmatan. Khilafah juga mesti menggunakan diplomasi untuk mempromosikan perdagangan dan pelaburan dengan negara-negara yang bersedia bekerjasama dalam kerangka hukum syarak, termasuk usaha menarik pelaburan asing langsung. Khilafah juga bekerjasama dengan negara-negara jiran untuk membentuk rantaian

bekalan serantau yang kuat, dapat mengurangi kebergantungan kepada rantaian bekalan global yang mungkin terpengaruh oleh tarif atau sekatan dari AS.

## Khatimah

Dalam menghadapi isu tarif perdagangan, Malaysia perlu mengambil pendekatan yang berprinsip dan terintegrasi yang sesuai dengan hukum syarak. Namun Malaysia tidak akan berjaya menyelesaikan masalah secara tuntas selagi mana Khilafah belum ditegakkan serta perlaksanaan Islam secara kaffah. Jadi, selagi umat Islam tidak memiliki Khilafah, maka selagi itulah umat Islam akan terus berada dalam keadaan lemah, apatah lagi berhadapan dengan kuasa besar AS. Penguasa umat Islam pada hari ini gagal menangani isu tarif ini kerana keengganannya mereka untuk berhukum dengan Islam. Maka, umat Islam sudah tidak ada pilihan lain kecuali berusaha sendiri untuk menegakkan Khilafah ala Minhaj nubuwah, yang akan menaungi umat Islam dengan rahmat dan keberkatan daripada Allah SWT. Ingatlah, mengabaikan perintah Allah SWT pasti tidak akan memperolehi jalan penyelesaian yang sempurna.

*"Dan sesiapa yang berpaling ingkar dari peringatan dan petunjukKu, maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit, dan Kami akan himpukkan dia pada hari kiamat dalam keadaan buta".*

[Surah Taha : 124]

## Penegakkan Khilafah & Perlaksanaan Ekonomi Islam

**Solusi  
Jangka Pendek**

Usyur

Futuhat

**Solusi  
Jangka Panjang**

Kemandirian Ekonomi

Kepelbagaian Pasaran

Perjanjian Dagang dengan Negara Kafir  
Mu'ahid

Pengawasan Terhadap Eksport Strategik

Penggunaan Mata Uang Emas & Perak

Kemampanan Industri Dalaman

Pendekatan Diplomatik dan Ekonomi